KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	17.02.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	TNB			

Penduduk Bukit Tarek masih tunggu respons MTES

Oleh ASLINDA NASIR
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kira-kira 300 penduduk di Kampung Melayu Bukit Tarek, Ulu Yam di Hulu Selangor terus menunggu tindakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) mengenai nasib mereka yang 'menagih' kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan raya sejak lebih dua dekad lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Jawatankuasa Bertindak Kampung Melayu Bukit Tarek, Shamsiah Mohamad berkata, butiran mengenai kawasan tersebut telah diserahkan kepada MTES pada Disember tahun lalu selepas pihaknya bermesyuarat dengan wakil Pejabat Daerah Hulu Selangor November tahun sama.